

20/04/2000

Ahli kimia tidak dapat sahkan arah tembakan

TUMPAT, Rabu - Seorang saksi memberitahu Mahkamah Koroner di sini hari ini, terdapat tiga lubang kesan tembakan pada kusyen tengah van yang dinaiki sekumpulan enam lelaki yang ditembak mati kerana disyaki menyeludup senjata api dari Thailand di Pengkalan Kubur, dekat sini, lebih setahun lalu.

Bagaimanapun, Mohamad Shafie, 40, seorang ahli kimia dari Jabatan Kimia Kuala Terengganu, tidak dapat mengesahkan dari mana arah tembakan itu dilepaskan.

Menurut saksi ketiga itu, ketiga-tiga lubang berkenaan terdapat di bahagian tempat menyandar kusyen itu.

"Saya juga ada membuat lukisan rajah di mana terdapat kesan tembakan pada kusyen van itu," katanya ketika menjawab soalan peguam, Mohd Apani Ali dalam keterangannya berhubung inkues terhadap kejadian polis menembak mati enam lelaki di Kampung Neting, Kilometer 25, Jalan Kota Bharu-Pengkalan Kubur, pada 3 Oktober 1998.

Perbicaraan dikendalikan Majistret Ahmad Bazli Bahruddin yang bertindak sebagai koroner.

Mohd Apani bertindak sebagai peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam dan G Naidu sebagai peguam pemerhati bagi pihak keluarga keenam-enam lelaki terbabit.

Pendakwaan kes itu dijalankan oleh Timbalan Pendakwaraya (DPP) Azman Abdullah.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum yang dihantar Mohd Apani yang juga Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah Majlis Peguam kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri, tahun lalu.

Inkues itu bagi mengetahui peristiwa dan sebab dalam keadaan bagaimana keenam-enam lelaki terbabit mati.

Menurut polis sebelum ini, enam lelaki itu yang disyaki terbabit dalam kegiatan penyeludupan senjata api, rompak dan dadah ditembak mati dalam satu kejadian berbalas tembak di kampung itu, kira-kira jam 11.45 malam.

Ketua Polis Negeri, Datuk Mohd Yunus Othman dalam sidang akhbar keesokan hari selepas kejadian itu, berkata mereka ditembak mati apabila penjenayah terbabit cuba melawan polis dengan melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis yang menahan mereka.

Mohamad juga bersetuju dengan andaian peguam bahawa jarak enam minggu pemeriksaan dibuat ke atas van itu selepas kejadian mungkin boleh menyebabkan kesan beliran dalam mana-mana objek sudah hilang.

Menurutnya, beliau membuat pemeriksaan ke atas van itu pada 17 November 1998, manakala tarikh kejadian pada 3 Oktober 1998.

Dalam pemeriksaan itu juga, beliau turut menjumpai empat lubang kesan tembakan pada kusyen bahagian belakang van itu.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)